

**PANDUAN UNTUK PENGETUA DAN PENGAJAR**

**SILA PASTIKAN SEMUA MAKLUMAT PADA BORANG – BORANG SEPERTI BERIKUT DILENGKAPKAN DENGAN BETUL DAN TEPAT**

1. Borang **BKJ-BOR-PEP-05-01 Pin.1/2013** – Borang Permohonan Menduduki Peperiksaan LJM / LBM yang mengandungi :-

- 1.1. **Bahagian A** – Biodata Pelatih

- 1.2. **Bahagian B** – Bayaran Fee Peperiksaan

Sila pastikan bayaran dari pelatih dibuat secara **kolektif** dengan kiriman **Wang Pos / Bank Draft** kepada :-

**Setiausaha  
Lembaga Jururawat Malaysia  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 3, Blok E1, Parcel E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA**

- 1.3. **Bahagian C** - Kenyataan Latihan Pelatih.

Sila beri perhatian kepada syarat-syarat kelayakan berikut semasa membuat pengesahan.

- 1.3.1 Pelatih telah mengikut syarat latihan iaitu menepati jumlah masa teori dan penempatan klinikal.
    - 1.3.2 Pelatih telah lulus peperiksaan - peperiksaan berkala di peringkat kolej / institusi.
    - 1.3.3 Pelatih telah mengikut pengajaran yang sistematik dalam tiap-tiap mata pelajaran yang ditetapkan.
    - 1.3.4 Pelatih berkelakuan baik sepanjang tempoh latihan.  
Sila maklumkan secara rasmi jika calon telah dikenakan hukuman tatatertib atau sedang menunggu keputusan Lembaga Tatatertib.
    - 1.3.5 Pelatih telah lulus peperiksaan akhir di peringkat kolej/ institusi yang melayakkan pelatih menduduki peperiksaan LJM / LBM.  
( Sila sertakan transkrip / surat kenyataan kelulusan pelatih).

## 1.4 Bahagian D

1.4.1 Pelatih telah mencapai / memperolehi kemahiran sebagaimana yang ditetapkan dalam buku rekod pengalaman (*Log Book*).

1.4.2 Pengesahan Pencapaian Kemahiran Rekod Pengalaman adalah tertakluk kepada :

**AKTA JURURAWAT 1950, PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURURAWAT 1985 JID. 29 NO.22 BERTARIKH 31 OKTOBER 1985, BAHAGIAN III, PARA 15(2), M/S 2033) DAN GUIDELINES ON STANDARD & CRITERIA FOR APPROVAL / ACCREDITATION OF NURSING PROGRAMMES**

1.4.3 Pengarah / Pengetua / Ketua Program Kejururawatan perlu mengemukakan sijil / surat menyatakan pelatih telah memperolehi perkara seperti di bawah:-

- a) Memperolehi 100% dari pengalaman klinikal / senarai tatacara kemahiran yang telah ditetapkan semasa latihan.
- b) Memperolehi 85% dari prosedur-prosedur dalam buku rekod pengalaman pelatih.
- c) Memperolehi 80% dalam teori.

1.4.4 Sila lengkapkan dan ditandatangani oleh Pengarah / Pengetua / Ketua Program Kejururawatan.

## 2. Borang **BKJ-BOR-PEP-05-02 Pin.1/2013** - Maklumat Penuh Pelatih

2.1 Susun senarai nama mengikut **KUMPULAN, ABJAD** dan nama ditulis dengan **HURUF BESAR** serta **MENGIKUT EJAAN DALAM KAD PENGENALAN / PASPORT.**

2.2 Isikan nombor kad pengenalan / pasport terbaru (seperti di kad pengenalan / pasport).

2.3 **Asingkan senarai calon tajaan KKM dan Swasta di helaian borang BKJ-BOR-PEP-05-02 Pin.1/2013 yang berlainan mengikut program.**

2.4 Cuti sakit yang diambil selama latihan tidak melebihi jumlah cuti sakit yang telah ditetapkan dalam kurikulum latihan.

- 2.5 Bagi calon yang telah mengambil cuti sakit lebih daripada jumlah cuti sakit yang telah ditetapkan, cuti perlu diganti untuk melengkapkan masa teori / penempatan klinikal yang tertinggal.
- 2.6 Sila hantar laporan pengesahan gantian cuti sakit secepat mungkin untuk mengelakkan kelewatan pendaftaran pelatih berkaitan.
- 2.7 Sila lengkapkan dan ditandatangani oleh Pengarah / Pengetua / Ketua Program Kejururawatan.
- 2.8 Sila pastikan maklumat ini dikemaskini dan jumlah calon tersenarai di dalam borang adalah sama di dalam **Sistem Pengurusan Maklumat Jururawat ( SPMJ )**.